



Untuk Terbitan Media  
11 Mac 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **KEMPEN TOLAK GULA: INISIATIF PERKESO CEGAH PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT DALAM KALANGAN PEKERJA**

**ALERT: 175,526 PEKERJA JALANI SARINGAN KESIHATAN SEJAK 2023 HINGGA 29 FEBRUARI 2024**

**BAYAN LEPAS:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melancarkan Kempen Tolak Gula bagi menangani peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam kalangan pekerja di Malaysia, hari ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, mengumumkan hasil saringan kesihatan yang dilakukan PERKESO ke atas 175,526 pekerja berumur 40 tahun ke atas dari 2023 sehingga 29 Februari 2024 menunjukkan keputusan amat membimbangkan.

"Dapatan saringan kesihatan yang dijalankan mendapati, 59.59 peratus memiliki kolestrol tinggi (hypercholesterolemia), 23.52 peratus bergelut dengan isu berat badan berlebihan atau obesiti, 20.45 peratus pekerja berdepan darah tinggi (hypertension) serta 19.91 peratus pekerja menghidap penyakit kencing manis (diabetes).

"Gaya hidup tidak sihat, termasuk pengambilan gula berlebihan, telah menyumbang kepada peningkatan penyakit NCD dan Kempen Tolak Gula diharap berupaya menangani masalah ini.

"Kempen ini akan dilaksanakan secara meluas oleh PERKESO dengan sokongan daripada majikan dengan langkah awal yang dicadangkan adalah penyediaan minuman tanpa gula di tempat kerja," jelasnya sewaktu menghadiri Program Pekerja Sihat dan Selamat di Jabil Malaysia, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Kempen ini merupakan langkah signifikan untuk memerangi NCD dalam kalangan pekerja, yang bukan sahaja memberi kesan kepada individu serta majikan tetapi juga kepada produktiviti negara secara keseluruhan dan berharap semua pihak dapat membantu merapatkan jurang kesihatan pekerja dan memperbaiki kualiti hidup mereka.

Terdahulu Steven Sim hadir turun padang ke Program Pekerja Sihat dan Selamat bersama Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed bagi mempromosikan kesedaran keselamatan jalan raya dan keselamatan tempat kerja khusus untuk majikan serta pekerja selaras inisiatif 'Vision Zero PERKESO' dalam mencapai sifar kemalangan di tempat kerja serta jalan raya demi kemaslahatan holistik.

Turut ditawarkan pada program hari ini adalah saringan kesihatan percuma, advokasi keselamatan, pemeriksaan motosikal, penggantian topi keledar serta pameran oleh badan kerajaan dan NGO.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**11 Mac 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**